

UPM anjur program wira alam sekitar untuk remaja B40

Oleh **Ilah Hafiz Aziz** - Ogos 22, 2023 @ 3:53pm
illahhafiz.abdulaziz@bh.com.my



Sekumpulan 37 remaja B40 menyertai program 'superhero alam sekitar' anjuran Jabatan Biologi, Fakulti Sains, UPM bagi meningkatkan kesedaran dalam pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar di Hulu Langat, Selangor, baru-baru ini. Gambar ihsan UPM

KUALA LUMPUR: Sekumpulan 37 remaja B40 menyertai program 'superhero alam sekitar' anjuran Jabatan Biologi, Fakulti Sains, Universiti Putra Malaysia (UPM) untuk meningkatkan kesedaran dalam pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar di Hulu Langat, Selangor, baru-baru ini.

Penyertaan kumpulan daripada program GENIUS Remaja itu juga bertujuan untuk memupuk minat terhadap ilmu sains biologi supaya dapat mengaplikasikan setiap pengetahuan yang dipelajari di universiti kepada masyarakat setempat.

Projek yang diadakan di Nur Lembah Pangsun Eco Resort itu turut menggabungkan dua program utama iaitu 'Let's Listen to Nature 7.0' dengan tema 'kesedaran bersama alam semula jadi dengan masyarakat' manakala program Bio-Superhero Outreach 5.0 pula bertema 'serlahkan super hero dalaman anda dan selamatkan alam semula jadi'.

Pensyarah Kanan di Jabatan Biologi, Fakulti Sains UPM, Dr Mohd Noor Hisham Mohd Nadzir, berkata program ini meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan memelihara dan memulihara alam sekitar melalui program pemindahan ilmu iaitu Let's Listen to Nature 7.0 2023.

Dalam program kedua pula, beliau berkata, ia berjaya memupuk minat belia terhadap ilmu sains biologi memandangkan golongan berkenaan semakin menjauhi daripada meminati bidang sains yang dianggap terlalu sukar.

"Belia hari ini perlu faham bahawa sains itu dekat dengan diri kita semua dan ia berkaitan dengan kehidupan sehari-harian manusia.

"Tema Kelab Mahasiswa Biologi UPM iaitu 'biologi ialah kehidupan, biologi adalah keluarga' adalah bersesuaian dengan program ini kerana ia bertujuan untuk meningkatkan minat peserta terhadap ilmu sains khususnya biologi melalui aktiviti-aktiviti menarik yang dapat menghubungkan mereka dengan alam sekitar dan komuniti setempat," katanya.

Kata Noor Hisham, penganjuran sedemikian diharap mampu diteruskan pada tahun-tahun akan datang supaya kesedaran mengenai alam sekitar dan rasa cinta akan ilmu sains biologi dapat dilahirkan dalam lebih ramai remaja.

"Ia seterusnya dapat mewujudkan pemimpin-pemimpin yang berilmu dan mencintai alam dalam generasi akan datang," katanya.

Program kolaborasi kali keempat di antara Jabatan Biologi UPM bersama dengan Pusat Pemerksaan Remaja (PERKASA), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) itu menarik penyertaan remaja berusia di antara 13 hingga 19 tahun daripada tiga Projek Perumahan

Rakyat (PPR) iaitu PPR Pantai Ria, PPR Seri Pantai dan PPR Kg. Muhibbah.

Ia turut disertai seramai 48 orang mahasiswa biologi UPM.